

# **MENGESAN CABARAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) DI SABAH**

**OLEH**

**ARSIAH BTE BAHRON**

**OLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## MENGESAN CABARAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) DI SABAH

ARSIAH BTE BAHRON  
WONG HOCK TSEN  
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi  
Universiti Malaysia Sabah

### ABSTRAK

*Industri kecil dan sederhana (IKS) mempunyai peranan yang amat penting dalam membangunkan sektor perkilangan secara menyeluruh. Namun, IKS sering menghadapi masalah struktur dan berbagai cabaran yang menghambat pertumbuhan dan pembangunannya. Daripada kajian dan pemerhatian yang telah dilakukan, didapati industri kecil di Sabah menghadapi banyak cabaran yang perlu ditangani segera. Cabaran-cabaran dalaman atau kelemahan yang dikenalpasti ialah cabaran pengurusan, pemasaran, kewangan, kualiti dan pengesanan usahawan. Sementara cabaran luaran ialah perdagangan global, sosial, perubahan teknologi dan juga infrastruktur asas dan kemudahan sokongan. Oleh kerana kajian tentang IKS di Sabah masih kurang dan terbatas, kertas ini bertujuan untuk mendedahkan satu gambaran kasar tentang struktur dan cabaran yang dihadapi oleh IKS di Sabah. Diharapkan ia akan memberi sedikit panduan kepada para pembuat dasar untuk mempertingkatkan lagi aktiviti IKS di Sabah.*

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
ABSTRACT

*Small and medium scale industries (IKS) play an important role in developing the manufacturing industry as a whole. However, IKS always has structural problems as well as enormous challenges which have hampered its growth and development. From the research and observations made here, it is clear that small-scale industry in Sabah is facing numerous challenges that need to be resolved urgently. The internal challenges or the weaknesses identified are management, marketing, financial, quality and identification of entrepreneurs, whereas the external challenges are global trading, social changes, technological changes and basic infrastructure and support facilities. Since studies on IKS in Sabah are very few and limited, this paper therefore aims to give a general view on the structure and challenges faced by IKS in Sabah. It is hoped that it will give some insights for policy*

PERPUSTAKAAN UMS



Kata K  
global 1

1400001989

a, pengurusan, pemasaran, kewangan, perdagangan



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENDAHULUAN

Sektor perkilangan dianggap sebagai sektor yang mampu dan dapat memajukan sebuah ekonomi. Ia dianggap berperanan sebagai ejen pertumbuhan ekonomi. Ini telah dibuktikan oleh kejayaan Ekonomi Perindustrian Baru (Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, dan Singapura) yang membawa kemajuan ekonomi mereka yang begitu pesat melalui pembangunan sektor perkilangan. Malaysia juga tidak terkecuali dan sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memajukan sektor perkilangannya agar matlamat untuk mencapai sebuah negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020 menjadi nyata. Sabah harus juga tidak terkecuali dan perlu berusaha dengan lebih gigih untuk memajukan sektor perkilangannya yang agak ketinggalan supaya dapat menyumbangkan usaha yang bererti dalam mencapai matlamat Malaysia.

Setakat ini, sektor perkilangan di Sabah hanya menyumbangkan bahagian yang kecil dalam keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Pada tahun 1988 sektor tersebut menyumbangkan sebanyak 6.7% daripada KDNK atau bernilai RM389.3 juta dan meningkat menjadi 13.8% atau bernilai RM1048.0 juta dalam tahun 1993 (Laporan Ekonomi 1995/96) (Rujuk Jadual 1). Dalam tempoh yang sama, sumbangan sektor perkilangan dalam KDNK di seluruh Malaysia adalah sebanyak 24.4 bahagian atau bernilai RM16 151 juta dan sebanyak 30.1% atau bernilai RM30.324 juta dalam tahun 1993 (Jabatan Perangkaan Sabah). Berbanding dengan Malaysia secara keseluruhannya, peranan sektor perkilangan dalam ekonomi Sabah masih dianggap kurang bererti.

JADUAL 1: Sektor perkilangan di Sabah

Tahun	Nilai (RM juta)	Peratus Daripada KDNK Pada Harga Tahun 1978
1988	389.3	6.7
1989	497.5	8.0
1990	590.6	8.9
1991	664.1	9.7
1992	768.9	10.5
1993	1048.0	13.8

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan juga hanya menyerap sebahagian kecil daripada penduduk Sabah yang bekerja. Pada tahun 1990, sebanyak 7.9 % sahaja daripada penduduk Sabah yang bekerja terlibat dalam sektor tersebut (Jabatan Perangkaan Sabah), berbanding dengan Malaysia secara keseluruhannya, sektor perkilangan dalam tempoh yang sama melibatkan 19.9 % daripada jumlah guna tenaga di Malaysia (Laporan Ekonomi 1995/96). Sektor perkilangan dianggap kurang bererti dalam menyediakan peluang pekerjaan di Sabah.

## STRUKTUR IKS

Sektor perkilangan di Sabah masih belum dibangunkan dengan sempurna. Ini dapat dilihat oleh sebahagian besar atau hampir kesemuanya perkilangan yang ada merupakan perkilangan jenis ringan yang hanya memerlukan modal, kepakaran, teknologi, dan pengurusan yang